



SAMBUNG BAYAR PENUH RISIKO

Kaedah sambung bayar kenderaan seperti yang kita sering dengar sebenarnya terdedah kepada elemen penipuan dan jika tidak berhati-hati, pemilik atau pembelinya boleh menyesal seumur hidup.

Peguam, Noorazmir Zakaria berkata, terdapat pelbagai risiko harus diberi perhatian oleh pihak pembeli mahupun pemilik asal sesebuah kenderaan akibat daripada kaedah sambung bayar ini.

Pertama, perjanjian pinjaman sewa beli lazimnya tidak membenarkan pemilik asal untuk jual kenderaan tersebut kepada pihak ketiga melainkan dengan kebenaran pihak bank.

Kedua, rata-rata daripada pembeli melalui kaedah sambung bayar ini menganggap kenderaan tersebut telahpun menjadi hak milik mereka dengan serta-merta setelah mereka sambung bayar secara bulanan kepada bank.

"Ini kesilapan amat besar kerana hakikatnya, pemilik asal kenderaan tersebut tiada kuasa untuk memberikan jaminan bahawa kenderaan tersebut dipindah milik kepada pembeli baru.

"Hal ini kerana sepanjang tempoh pinjaman sewa beli kenderaan tersebut masih berkuatkuasa, maka pemilik asal tidak boleh jual mahupun memindah milik kenderaan melainkan dengan kebenaran bank.

"Apabila disebut kebenaran pihak bank, maka secara langsung ia bermaksud bahawa kesemua baki jumlah pinjaman dengan bank hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum sesuatu pindah milik dilakukan," katanya.

Jelas Noorazmir, jika pemilik asal didapati bersalah menjual kenderaan ketika perjanjian

sewa beli masih berkuatkuasa, pemilik boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 38 Akta Sewa Beli 1967.

Selain itu, Noorazmir turut menceritakan kisah pernah mengendalikan kes sambung bayar di Kuala Lumpur, di mana anak guamnya ditipu sindiket kaedah sambung bayar.

"Fakta ringkasnya ialah anak guam saya ditawarkan membeli sebuah kereta mewah melalui kaedah sambung bayar.

"Anak guam saya dijanjikan bahawa setelah bayaran ansuran kepada bank selesai, kereta itu akan ditukar hak milik penuh kepada anak guam saya. Malah, Surat Pelepasan Tanggungan yang telah ditandatangani pemilik asal diberikan kepada anak guam saya bagi meyakinkan konon transaksi ini adalah tulen.

"Anak guam saya turut diberikan Borang Penyata Pertukaran Milikan Kenderaan Motor secara sukarela oleh pemunya berdaftar, salinan kad pengenalan dan lesen memandu pemilik asal serta Borang JPJ - Penyaksian Identiti Pemunya Berdaftar. Kesemua dokumen ini lebih meyakinkan anak guam kononnya transaksi ini tulen," katanya.

Oleh kerana terlalu yakin dan semua borang diperlukan ada, anak guamnya bersetuju membayar wang pendahuluan RM23,500 dan buat bayaran bulanan kepada bank sebanyak RM1,200 sebulan. Kereta mewah tersebut juga diserahkan kepada anak guamnya.

"Namun tanpa disangka-sangka, anak guam saya, sebulan kemudiannya dihubungi individu lain yang mengaku dirinya ejen sebenar pemilik asal kepada kereta tersebut. Anak guam saya

diminta berjumpa pemilik asal, di mana pemilik asal itu mendakwa dirinya juga ditipu ejen.

"Menurut pemilik kereta tersebut, perjanjian asalnya dengan ejen penjual kereta adalah untuk menjual kereta tersebut secara bayaran penuh sekali gus; bukannya secara sambung bayar. Anak guam saya mula berasa telah diperangkap sindiket penipuan dan beliau juga diminta menyerahkan kereta tersebut dengan serta-merta di mana segala tuntutan ganti rugi hendaklah dituntut daripada ejen pertama yang menerima bayaran pendahuluan itu," katanya.

Tidak berhenti di situ, Noorazmir berkata, anak guamnya menghubungi ejen pertama, namun lebih mengecewakan ejen pertama tersebut mendakwa dia ditipu penjual yang lain dan menggunakan wang pendahuluan tersebut untuk menampung kerugian ditanggungnya.

"Berdasarkan kes ini, dibuktikan wujud sindiket terancang di mana tidak mustahil kesemua individu terbabit daripada ejen pertama, pemilik asal hinggalah kepada ejen kedua dan ketiga berpakat memperdaya pengguna seperti anak guam saya ini.

"Melalui kes ini, kita dapat fahami pelaku-pelaku sindiket penipuan pembelian kereta seperti ini sebenarnya amat faham implikasi undang-undang bagi kes-kes melibatkan pembelian kereta secara sambung bayar ini. Mereka sedar mangsa pembeli kenderaan sambung bayar ini hakikatnya tidak pun mempunyai kuasa untuk memiliki kenderaan tersebut kerana hanya pemilik asal dan pihak bank yang berkuasa untuk memiliki kenderaan.

"Jadi, para pelaku sindiket ini boleh berkonspirasi mengambil kembali kenderaan

tersebut pada bila-bila masa," katanya.

Ditanya mengenai nasihat kepada masyarakat, Noorazmir menegaskan pembeli harus sedar bahawa tindakan menyambung bayar bulanan kepada pihak bank seolah-olah memberikan talian hayat kepada pemilik asal.

Katanya, ini kerana tindakan kita membayar ansuran bulanan tersebut seperti membantu secara tidak langsung bagi mengurangkan hutang pemilik asal dengan bank. Akhirnya, pemilik asal yang mendapat faedah dan manfaat kerana kereta masih didaftarkan di atas nama mereka dan pada masa yang sama hutang kepada bank juga dilangsaikan.

"Para pembeli dinasihatkan terus buat pembayaran secara penuh kepada bank dan seterusnya buat pindahan hak milik serta-merta di Jabatan Pengangkutan Jalan tanpa perlu buat bayaran bulanan kepada pihak bank.

"Kedua, sekiranya mana-mana pemilik berdaftar kenderaan ingin meminta pihak ketiga buat sambung bayar terus kepada bank, maka pemilik tersebut hendaklah memastikan kedua-dua pihak menandatangani satu perjanjian bertulis menyatakan dengan jelas bahawa pihak ketiga tersebut perlu membuat pembayaran tersebut secara terus kepada bank. Sekiranya gagal, pemilik asal berhak ambil tindakan undang-undang untuk mengambil semula kenderaan tersebut dan menuntut pihak ketiga bayar semua tunggakan termasuk faedah dan penalti kepada bank.

"Hal ini dibenarkan oleh undang-undang sepertimana diputuskan Mahkamah Tinggi Ipoh di dalam kes Shanti Edward Joseph lawan Shanmuganathan Venugopal," katanya.

Pemilik asal kenderaan berkuasa penuh: JPJ

PEMILIK asal memiliki kuasa mutlak ke atas kenderaannya selagi nama pemilik tidak ditukar, malah pada bila-bila masa sahaja dia boleh meminta balik kenderaannya dan anda perlu serah semula.

Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Ir Mohamad Dalib, mengingatkan orang ramai supaya membuka mata dalam urusan jual beli kenderaan membabitkan urusan sambung bayar.

"Penyambung bayar dan pemilik kenderaan asal perlu membuat surat perjanjian dan ada juga membuat stamping. Walaupun ada perjanjian tapi anda harus tahu selagi tidak tukar nama, pemilik asal memiliki kuasa mutlak ke atas kenderaan tersebut.

"Dalam undang-undang Seksyen 10 jelas menyebut apabila sesuatu kenderaan

yang bertukar milik perlu lapor di mana-mana JPJ dalam tempoh tujuh hari bekerja," katanya.

Sementara itu, Mohamad Dalib mendedahkan risiko kepada mereka yang membeli atau menjual kenderaan secara sambung bayar antaranya apa saja yang berlaku terhadap kenderaan itu menjadi tanggungjawab si pemilik. Contohnya berlaku kes jenayah atau disaman, yang menerima akibatnya adalah pemilik kereta asal dan bukan pemilik yang sambung bayar.

"Apa-apa saja aktiviti yang dilakukan akan ditanggung

sepenuhnya oleh pemilik asal kenderaan. Pemilik juga harus ingat, kebanyakan mereka yang membeli kereta sambung bayar kebiasaannya memiliki rekod buruk seperti nama disenarai hitam, ada masalah kewangan dan sebagainya.

Jadi mereka berisiko untuk tidak bayar ansuran. Akibatnya, anda terpaksa tanggung hutang.

"Masalah yang paling banyak berlaku adalah kes melibatkan jualan atas jualan? Andaikan anda jual kenderaan secara sambung bayar kepada Ali. Dua bulan kemudian,

Ali jual semula kenderaan tersebut secara sambung bayar kepada Abu dengan mengaut keuntungan

atas angin.

"Akibatnya, anda tidak tahu siapa pemilik ketiga berkenaan. Bagaimana jika bayaran bulanan tidak dibuat kepada pihak bank? Siapa yang perlu anda tuntut?," soalnya.

Meskipun berdepan pelbagai bentuk risiko, namun masih ramai orang melakukan urusan sambung bayar ini menurut beliau. Hal ini kerana lazimnya siapa yang akan beli kereta sambung bayar? Pertama, mereka yang tidak layak membuat pinjaman.

"Sebagai contoh nama disenarai hitam oleh pihak bank. Kedua, mereka yang tidak mempunyai wang untuk membayar deposit atau duit pendahuluan.

"Ketiga, dokumen yang dilampirkan untuk membuat permohonan pinjaman tidak cukup kuat seperti gaji asas rendah, terlalu banyak komitmen dan sebagainya," jelasnya.

